



Perkhidmatan swasta wajar lengkapi sektor kesihatan awam

Oleh Rafidah Mat Ruzki - September 10, 2022 @ 11:01pm
fidahruzki@bh.com.my

PUTRAJAYA: Kerajaan melihat kemungkinan menyumberluarkan sesetengah perkhidmatan kesihatan kepada pengamal perubatan dan hospital swasta di negara ini.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Datuk Seri Mohd Shafiq Abdullah, berkata kekuatan pengamal perubatan swasta dilihat sebagai kekuatan tambahan yang boleh dan seharusnya melengkapi perkhidmatan kesihatan negara.

"Ada 8,350 klinik pengamal perubatan swasta, lebih 10,000 pegawai perubatan terlatih dan lebih 220 hospital swasta yang berupaya menjadi kekuatan tambahan yang boleh melengkapkan perkhidmatan penjagaan kesihatan di pusat kesihatan awam."

"Terdapat ramai pengamal perubatan swasta di seluruh negara dan ini boleh dilihat sebagai lanjutan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang menjangkau lebih jauh dan meluas kepada masyarakat di seluruh negara," katanya pada Majlis Makan Malam Tahunan Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) malam ini.

Teks ucapan beliau dibacakan Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi), Datuk Kamel Mohamad.

Yang turut hadir Presiden MMA, Dr R Muruga Raj.

Mohd Shafiq berkata, sumbangan besar pengamal perubatan swasta di negara ini yang membantu dalam memenuhi keperluan terhadap perkhidmatan penjagaan kesihatan ketika pandemik turut disedari kerajaan.

Ketika pandemik melanda, katanya, hospital swasta banyak membantu pengurusan kes COVID-19 dalam negara ini, selain berperanan penting dalam pengurusan kes bukan COVID-19.

Katanya, kerjasama awam-swasta sedemikian menunjukkan peningkatan dan memaksimumkan jangkauan penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan kepada penduduk negara ini.

"Sebagai bekas Ketua Setiausaha di Kementerian Kesihatan (KKM) yang berpengalaman dengan pelbagai isu dan cabaran dalam sistem kesihatan kita, saya percaya pendekatan awam-swasta perlu diterokai dengan lebih lanjut.

"Saya yakin kita boleh bekerjasama untuk sama-sama meringankan beban ditanggung sistem penjagaan kesihatan awam.

"Kenapa kita perlu menolak sekiranya kerjasama ini boleh mengurangkan perbelanjaan kerajaan," katanya.

Sementara itu, Dr Muruga ketika berucap, berkata fokus kepemimpinannya membabitkan isu buli dalam kalangan pekerja kesihatan.

"Ia sangat membimbangkan. Perbuatan buli tidak akan dibiarkan berterusan kerana saya akan bekerjasama dengan KKM serta rakan sejawat untuk memastikan perbuatan buruk yang sudah menembusi sistem ini dapat ditangani," katanya.

Beliau adalah presiden baharu MMA bagi tempoh 2022-2023 menggantikan Dr Koh Kar Chai.

Dr Muruga berkata, sistem kesihatan terutama membabitkan perkhidmatan pakar juga perlu ditambah baik dengan akses perkhidmatan lebih meluas di seluruh negara.

"Dengan pembentangan Bajet 2023 pada Oktober ini, MMA berharap akan melihat satu peruntukan untuk perkhidmatan kesihatan yang mencerminkan komitmen kerajaan terhadap perubahan pada sistem perubatan," katanya.